

29 NOV 2001

Kuwait-Minyak

KUWAIT MUNGKIN MELABUR DALAM INDUSTRI MINYAK MALAYSIA

PUTRAJAYA, 29 Nov (Bernama) -- Seorang utusan khas Amir Kuwait telah menyatakan minat negara itu untuk melabur dalam industri petroleum, gas dan penapisan Malaysia, menurut seorang pegawai Kementerian Luar.

Kemungkinan ini dibangkitkan pada pertemuan hari ini antara utusan khas Al-Ateeqi Abdul Rahman Salim dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menurut Setiausaha Bahagian bagi Asia Barat dan Afrika Utara Datuk Wan Yusof Embong.

Cadangan pelaburan itu akan dibuat melalui Dana Kuwait, kata Wan Yusof semasa memberi taklimat kepada pemberita selepas pertemuan itu yang diadakan di pejabat Perdana Menteri di sini.

Sambil menyambut baik rancangan itu, Perdana Menteri berkata Malaysia akan memberikan bantuan yang diperlukan untuk memudahkan pelaburan, katanya.

Abdul Rahman dan Dr Mahathir turut membincangkan penubuhan satu suruhanjaya bersama yang bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, katanya.

Menurut Wan Yusof, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telah bersetuju terhadap satu mesyuarat suruhanjaya bersama yang mungkin diadakan separuh pertama tahun depan.

Malaysia dan Kuwait telah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi dan teknikal pada 1975, yang membolehkan penubuhan suruhanjaya bersama itu.

Wan Yusof berkata kemungkinan Kuwait Airways terbang ke Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan pelancongan kedua-dua negara turut dibincangkan pada pertemuan hari ini antara Dr Mahathir dan utusan khas Kuwait itu.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas pertemuan itu, Abdul Rahman berkata beliau berada di sini untuk menyampaikan kepada kerajaan Malaysia, ucapan takziah Amir Kuwait atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 21 Nov lepas.

Amir Kuwait turut menyampaikan utusan takziah yang sama kepada kerabat Sultan Salahuddin.

Abdul Rahman yang juga penasihat Amir Sheikh Jaber Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, berkata beliau turut menyampaikan ucapan takziah Putera Mahkota Kuwait dan Perdana Menteri Sheikh Saad Al-Abdullah Al-Sabah.

Bakal duta Kuwait ke Malaysia Fahad Hejer Shaowf Al-Metairi turut hadir pada pertemuan itu.

-- BERNAMA

AFY MFJ RON